



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 APRIL 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'SEKARANG BOLEH BELI LIMA KAMPIT BERAS', LOKAL, HM-11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	HAD BELI BPT 10KG NAIK KEPADA 5 KAMPIT, NASIONAL, BH-6	
3.	HAD BELI BERAS PUITH TEMPATAN 5 KAMPIT, NASIONAL, SH-6	
4.	HETTY KOES ENDANG NYANYI PERCUMA ATAS DASAR PERSAHABATAN, NASIONAL, SH-6	
5.	WHITE RICE PURCHASE LIMIT INCREASED TO FIVE BAGS, NATION, THE STAR-5	
6.	HARVEST MEETS LOCAL NEEDS, NATION, THE STAR-5	
7.	LOCAL WHITE RICE PURCHASE LIMIT RAISED TO 5 BAGS, NATION, NST-3	
8.	BOLEH BELI 5 KAMPIT, NEGARA, KOSMO-8	
9.	'OPEN HOUSE' PUNCA SANTAN NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO-8	
10.	5,000 SERBU JUALAN KASIH KEDA MADANI, LOKAL, HM-18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	LEBIH 3,000 ORANG TERIMA MANFAAST JUALAN KASIH KEDA MADANI, NEGARA, KOSMO-5	
12.	LOKASI HARAM TANGKAP IKAN, NEGERI, SH-24	LAIN-LAIN
13.	BUBU NAGA, KETAM, UDANG TANPA TUAN DIRAMPAS, LOKAL, HM-11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

'Sekarang boleh beli lima kampil beras'

Had pembelian BPT 10kg dinaikkan penuh keperluan semasa khususnya KIR miskin

Bernama

Serdang

Had pembelian beras putih tempatan 10 kilogram (kg) ber-
harga RM26 kini dinaik-
kan kepada lima kampil
bagi setiap transaksi ber-
banding dua kampil se-
belum ini.

Menteri Pertanian dan
Keterjaminan Makanan,
Datuk Seri Mohamad Sabu
berkata, kelonggaran itu
diberikan selepas menga-
mbil kira permintaan dan
keperluan semasa peng-
guna khususnya bagi ke-
tua isi rumah (KIR) mis-
kin.

"Sebanyak 3.16 juta kam-
pit beras putih tempatan
10 kilogram diagihkan me-
lalui lebih 47,000 premis
runcit berdaftar di seluruh
negara setakat pertenga-
han April ini.

"Negeri seperti Selang-
or, Kedah, Perak dan Johor
mencatatkan jumlah agi-
han tertinggi. Langkah ini
menjadi antara usaha pen-
ting kementerian demi ke-
terjaminan bekalan beras
rakyat secara konsisten,"
katanya.

Beliau berkata demikian
ketika berucap pada Per-
himpunan Bulanan dan
Majlis Ramah Mesra Ai-
dilitri Kementerian Per-
tanian dan Keterjaminan
Makanan (KPKM) 2025 di
Maeps, Serdang, sema-
lam.

Sementara itu, Moha-
mad berkata, Jemaah
Menteri turut menzahir-
kan pujian kepada KPKM,
dan menyifatkan kawalan
harga musim perayaan ta-
hun ini sebagai antara ter-
baik dalam sejarah.

"Sepanjang Ramadan
dan menjelang Syawal la-
lu, kita menyaksikan ke-



MOHAMAD

stabilan pasaran bagi ba-
rangan keperluan utama
rakyat. Harga ayam, telur,
sayur, ikan dan daging ke-
kal terkawal dan berpatu-
tan, tanpa lonjakan harga
membebankan penggu-
na," katanya.

Dalam pada itu, beliau
berkata, Program Sema-
rak Syawal 2025 yang ber-
langsung dari 22 hingga 30
Mac lalu menunjukkan ke-
jayaan apabila mencatat-
kan nilai jualan mencecah
RM21.43 juta, sekali gus
melempi sasaran asal
RM20 juta.

Mohamad berkata,
program berkenaan mem-
bolehkan pengguna berpe-
luang mendapatkan bara-
ngan keperluan Aidilitri
pada harga berpatutan
dan turut membantu me-
ningkatkan pendapatan
petani dan usahawan ag-
romakanan menjelang pe-
rayaan.

Program itu dilaksana-
kan di 262 lokasi seluruh
negara termasuk Pasar
Tani, Pasar Tani Kekal,
RTC serta Medan Niaga
Satok di Sarawak, dengan
pembabit 9,005 usaha-
wan tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Had beli BPT 10kg naik kepada 5 kampil

KPKM dapati beras putih tempatan tak terlalu dapat permintaan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Serdang: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) membenarkan orang ramai membeli beras putih tempatan (BPT) sehingga lima kampil bungkusan 10 kilogram setiap urus niaga berbanding satu kampil sebelum ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia berikutan sehingga pertengahan April se-

banyak 3.16 juta kampil beras 10 kilogram sudah diagihkan melalui lebih 47,000 premis runcit berdaftar di seluruh negara.

Katanya, selepas agihan itu dibuat pihaknya mendapati BPT tidak terlalu mendapat permintaan kerana harga tidak jauh berbeza berbanding beras import.

"Harga beras import sekarang adalah sekitar RM32 atau RM33 (10kg) dan sebelum ini orang ramai bising kerana harganya mencecah RM40, sebab itu ramai cari beras tempatan pula.

"Sekarang harga BPT adalah RM26 dan sebelum ini kita hadkan seorang satu kampil beras 10kg, tetapi sekarang ini BPT boleh dibeli sampai lima kampil bagi mengelakkan ia rosak," katanya selepas Perhimpunan Bulan dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri KPKM di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.



Mohamad memberikan duit raya kepada pelajar Maahad Tahfiz Darul Fuqaha pada Perhimpunan Bulan dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri KPKM di MAEPS, Serdang, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak.

Mac lalu, KPKM memaklumkan bekalan BPT berada dalam pasaran di seluruh negara.

Mohamad dilaporkan berkata, pihaknya sudah mencari jalan penyelesaian sementara waktu bagi menyelesaikan bekalan.

4 negeri agihan tertinggi

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, setakat ini Selangor, Kedah, Perak dan Johor mencatatkan jumlah agihan tertinggi BPT.

Katanya, usaha itu sekali gus menjadi antara usaha penting Kementerian untuk menjamin keterjaminan bekalan beras rakyat secara konsisten.

"Bagaimanapun, jika BPT tiada di mana-mana, perlu maklumkan kepada KPKM kerana ia isu poket seperti di pedalaman susah hantar," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad memberi jaminan harga santan segar akan stabil semula awal bulan hadapan.

Katanya, harga santan masih mahal ketika ini berikutan masih dalam musim perayaan.

"Mungkin bulan hadapan akan stabil. Bagaimanapun, kita juga ambil langkah import tambahan lagi (kelapa) dari Sabah, Sarawak dan Indonesia.

"Bulan depan takkan ada masalah. Aidiladha pun akan stabil sebab sekarang ini musim 'open house' (rumah terbuka Aidilfitri)

masih berjalan," katanya.

Sementara itu, berkenaan harga lembu sepanjang Syawal, Mohamad berkata, tidak berlaku kenaikan.

Ditanya berkenaan 25 ternakan terutama kerbau mati akibat dijangkiti penyakit *Haemorrhagic Septicaemia* (HS) atau hawar berdarah di daerah Kuala Terengganu sejak minggu lalu, beliau berkata, ia dalam pemantauan dan dikawal ketika ini.

Sementara itu, apabila diminta mengulas mengenai aktiviti menternak unggas seperti ayam di kawasan perumahan, Mohamad berkata, ia biasa seperti di kampung, tetapi jika ada penyakit Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan ambil tindakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Hetty Koes Endang nyanyi percuma atas dasar persahabatan

SERDANG – Kesanggupan penyanyi tersohor Indonesia, Hetty Koes Endang menawarkan persembahan nyanyian secara percuma pada Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) membolehkan kementerian itu beroleh penjimatan sebanyak RM100,000.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Hetty singgah untuk membuat persembahan dan menawarkan diri untuk menyanyi beberapa buah lagu sebelum meneruskan percutiannya ke Langkawi.

“Jika persembahan itu berbayar, memang kementerian tidak mampu membiayainya. Ini kerana kos menjemput artis profesional seperti Hetty untuk menyanyi adalah sekitar RM100,000 bagi setiap persembahan.

“Tetapi hari ini, dia datang membuat persembahan secara percuma atas dasar persahabatannya dengan saya dan isteri serta keluarganya sejak sekian lama,” katanya.

Terdahulu, majlis yang dihadiri ribuan tetamu itu dimeriahkan dengan kehadiran Hetty yang mendendangkan tiga buah lagu termasuk lagu popular beliau seperti *Tak Ingin Sendiri*, *Tradisi Hari Raya* dan *Berdiri Bulu Romaku*.

Turut membuat persembahan ialah Datuk Jamal Abdillah.

Terdahulu, Mohamad menerusi perkongsian di Facebook memaklumkan pihaknya menerima panggilan daripada Hetty dan suami yang merupakan sahabat lamanya pada pagi Ahad lalu.

Dalam pada itu, Mohamad turut berkongsi tentang keakraban hubungan persahabatan yang telah lama terjalin antara keluarganya dan keluarga penyanyi tersohor itu.

Justeru, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Hetty dan suaminya atas keikhlasan dan kesudian mereka untuk bersama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Had beli beras putih tempatan 5 kampil

Had pembelian dinaikkan susulan bekalan kembali stabil di seluruh negara

Oleh MOHD FAIZUL HAIKA
MAT KHAZI
SERDANG



FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR

Mohamad (dua dari kiri) melihat penyanyi terkenal Indonesia, Hetty Koes Endang membuat persembahan pada Perhimpunan Bulanan dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri KPKM di MAEPS Serdang pada Isnin.

Had pembelian beras putih tempatan (BPT) 10 kilogram berharga RM26 kini dinaikkan kepada lima kampil bagi setiap transaksi berbanding dua kampil sebelum ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kelonggaran itu diberikan selepas mengambil kira permintaan dan keperluan semasa pengguna yang memerlukan khususnya bagi ketua isi rumah (KIR) miskin.

"Keputusan tersebut juga dibuat selepas bekalan beras putih tempatan kembali stabil hasil pelbagai langkah berkesan dilaksanakan KPKM sejak beberapa bulan lalu," katanya ketika menyampaikan ucapan di Perhimpunan Bulanan dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri KPKM 2025

di Dewan D, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, sebanyak 3.16 juta kampil beras putih tempatan 10 kilogram diedarkan melalui program khas KPKM ke seluruh negara.

Menurutnya, sehingga pertengahan April lalu, beras BPT berkenaan diedarkan melalui lebih 47,000 premis runcit berdaftar di seluruh negara.

"Negeri-negeri seperti Selangor, Kedah, Perak dan Johor mencatatkan jumlah agihan tertinggi.

"Langkah ini menjadi antara usaha penting kementerian untuk menjamin keterjaminan bekalan beras

rakyat secara konsisten," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, Program Semarak Syawal 2025 yang berlangsung pada Mac lalu mencatatkan kejayaan bagi KPKM.

"Program ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada pengguna yang berpeluang mendapatkan barangan keperluan Aidilfitri pada harga berpatutan, tetapi turut membantu meningkatkan pendapatan petani dan usahawan agromakanan menjelang perayaan.

"KPKM berjaya mencatatkan nilai jualan mencecah RM21.43 juta menerusi Program Semarak Syawal 2025 sekali gus melepasi sasaran asal ditetapkan iaitu RM20 juta," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	THE STAR	NATION	5

White rice purchase limit increased to five bags

SERDANG: The purchase limit for 10kg of local white rice priced at RM26 has been raised to five bags per transaction from two bags previously.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the relaxation was made to meet current consumer demand and address the needs of targeted groups, particularly poor households.

"As of mid-April, a total of 3.16 million 10kg bags of local white rice have been distributed through more than 47,000 registered retail premises nationwide.

"Selangor, Kedah, Perak and Johor recorded the highest distribution figures. This initiative is among the ministry's key efforts to consistently safeguard the nation's rice supply," he said.

Meanwhile, Mohamad said the Cabinet has commended the ministry for its effective price control measures during this year's festive seasons.

"The market remained stable throughout Ramadan and leading up to Syawal, with prices of essential items such as chicken, eggs, vegetables, fish and meat staying under control and affordable



On the mic: Mohamad (second from left) and others enjoying an impromptu performance from Indonesian singer Hetty Koes Endang at the Agriculture and Food Security Ministry's Aidilfitri gathering. — Bernama

without any surge that could burden consumers," he said.

He also said that the Semarak Syawal 2025 Programme, which took place from March 22 to 30,

achieved significant success by registering sales amounting to RM21.43mil, surpassing the initial target of RM20mil.

The programme not only ena-

bled consumers to purchase Aidilfitri necessities at reasonable prices but also helped boost the income of farmers and agro-food entrepreneurs.

Harvest meets local needs

Steady supply of white rice expected in the coming months

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PETALING JAYA: With a promising rice harvest underway in Kedah, known as Malaysia's 'Rice Bowl,' rice millers are optimistic about a steady supply and anticipate there will be no rice shortages in the coming months.

Hypermarket and retail chain Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the local rice supply was sufficient and even in oversupply in the market.

He noted that previously, local rice was hard to obtain, but the government's RM150mil subsidy to millers after March 1 has made the project more viable and ensured a sufficient supply, particularly for the B40 group, over the next six months.

He suggested that allowing consumers to purchase more rice

could prevent quality deterioration caused by long-term storage.

"I hope the government is proactive, as they agreed to give the subsidy for only six months.

"They (the government) should know what's happening in the market, and if they want to continue the subsidy, they should announce it earlier to prevent hoarding and shortages later," he said when contacted.

He also mentioned that the price of imported rice was stable due to international price stabilisation, though he suggested that government intervention might further reduce prices, decreasing the need for local subsidies.

Overall, he sees no current issues with rice supply, both local and imported, as international shortages have been mitigated, with India resuming its exports.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad

Sabu announced an increase in the purchase limit for 10kg bags of rice, priced at RM26, from two to five bags per transaction.

This addresses current consumer demand and aids low income households.

On Feb 26, the ministry announced that from March 1 to Aug 31, a total of 2.4 million bags of 10kg subsidised local white rice, priced at RM26 per bag, will be available across Peninsular Malaysia.

This programme marks the first phase of the RM150mil targeted subsidy initiative, aimed at ensuring that local white rice remains affordable for those who need it.

As of mid-April, over 3.16 million bags have been distributed through more than 47,000 registered retail outlets nationwide, with Selangor, Kedah, Perak and Johor leading in distribution.

A store owner, who wished to

be known only as Chang, said the recent supply of local rice was sufficient but the quality has decreased, causing some consumers to be unwilling to buy it.

According to a rice miller in Kedah, this season's rice harvest is good and there is enough white rice in the market, so they are optimistic about the supply.

Another rice miller from Selangor, who also requested anonymity, said Selangor's rice harvest increased by 15% compared to the previous season, and that last year's extreme weather did not greatly affect the harvest in Selangor.

"Currently, the domestic supply of white rice is sufficient, and the price of imported rice is stable.

"Compared to the past three years, the production of white rice is gradually improving, which is good news for farmers and rice traders," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	NEW STRAITS TIMES	NATION	3

TO PREVENT STOCKPILING

Local white rice purchase limit raised to 5 bags

SERDANG: The government has eased the purchasing limit for local white rice to facilitate smoother supply chains and prevent stockpiling, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said consumers can now buy up to five 10kg bags per person, up from one bag.

He said the adjustment was necessary to prevent rice from spoiling if left unsold in the market for too long.

"Earlier, there were concerns about the availability of local white rice.

"However, now that it is widely

available, and with the price of imported rice stabilising around RM32, the demand for local white rice, priced at RM26, is no longer as high as before."

He said this after attending the ministry's Hari Raya celebrations. Mohamad said that when imported rice prices surged to RM40, demand for local rice had spiked, leading to stricter purchase limits.

"Now, consumers, especially those from lower-income groups, can buy up to five bags to meet their needs.

"We want the rice stocks to move, as prolonged stagnation

can cause spoilage and may attract pests."

He said that initiatives, such as the Local White Rice Distribution Programme, were being implemented nationwide to ensure a consistent supply.

"Up to mid-April, 3.16 million 10kg bags of rice have been distributed through over 47,000 registered retail outlets.

"Selangor, Kedah, Perak, and Johor have recorded the highest distribution figures."

He said some isolated supply issues might persist in certain rural areas, but added that the ministry was addressing these concerns.

On another matter, he said the government had given its assurance that the price of coconut milk will stabilise by next month, in time for Hari Raya Aidiladha.

He said additional imports from Indonesia, Sabah and Sarawak were being arranged to boost supply and ease price pressures.

Mohamad also said beef prices during Hari Raya Aidilfitri this year had remained low, and supply would be sufficient for Hari Raya Aidiladha.

He expressed hope that prices would not spike ahead of the next Hari Raya celebration.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	KOSMO	NEGARA	8



ORANG ramai dibenarkan membeli lima paket BPT berbanding dua sebelum ini selepas bekalnya semakin stabil berikutan beberapa langkah intervensi dilakukan kerajaan. - GAMBAR HIASAN

Boleh beli 5 kampak

- Bekalan beras putih tempatan kembali stabil
- Pelaksanaan langkah intervensi berjaya

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SERDANG - Kerajaan membenarkan rakyat membeli beras putih tempatan (BPT) sehingga lima kampak bermula semalam berbanding dua sebelum ini selepas bekalnya kembali stabil ekoran langkah intervensi yang dilaksanakan sejak beberapa bulan lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, beberapa pendekatan yang diambil telah membuahkan hasil untuk

memastikan bekalan BPT sentiasa ada di pasaran.

"Jika sebelum ini kita (kementerian) hadkan hanya dua kampak sahaja, tetapi mulai hari ini (semalam) kita benarkan pembelian lebih dua kampak, tetapi tidak melebihi lima kampak (setiap kali pembelian).

"Sehingga pertengahan April, sebanyak 3.16 juta kampak 10 kilogram BPT telah diagihkan kepada lebih 47,000 premis runcit berdaftar di seluruh negara," katanya ketika ditemui di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri kementeriannya di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini semalam.

Menurut Mohamad, antara negeri yang mencatatkan jumlah agihan tertinggi termasuk Selangor, Kedah, Perak dan Johor.

Tambahnya, langkah itu menjadi antara usaha penting kementerian untuk menjamin keterjaminan bekalan beras rakyat secara konsisten.

Dalam pada itu, beliau memberitahu Program Semarak Syawal 2025 yang telah berlangsung dari 22 hingga 30 Mac lalu berjaya mencatatkan nilai jualan mencecah RM21.43 juta.

Menurutnya, jumlah tersebut melebihi sasaran awal iaitu sebanyak RM20 juta.

"Program itu bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada pengguna yang tetapi turut membantu meningkatkan pendapatan petani dan usahawan agromakanan menjelang perayaan.

"Program ini telah dilaksanakan di 262 lokasi seluruh negara termasuk Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, RTC serta Medan Niaga Satok di Sarawak, dengan penglibatan seramai 9,005 usahawan tempatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	KOSMO	NEGARA	5

Lebih 30,000 orang terima manfaat Jualan Kasih KEDA Madani

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

KULIM - Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memperuntukkan kira-kira RM225,789 untuk menganjurkan Program Jelajah Jualan Kasih KEDA Madani 2025 di tujuh daerah di Kedah sejak tahun lalu.

Program Jualan Kasih KEDA Madani mula dirintiskan pada Januari tahun lalu di Kompleks Ibu Pejabat KEDA, Alor Setar dan diteruskan dengan siri jelajah di Pejabat KEDA Zon 4, Sik, Desa KEDA Singkir Badong, Yan dan Pejabat Bahagian Pembangunan Usahawan, Napoh, Jitra dalam daerah Kubang Pasu.

Inisiatif tersebut diteruskan pada tahun ini di Pejabat KEDA Zon 5, Baling pada Februari lalu diikuti



JAMIL KHIR (dua dari kanan) memotong riben sebagai gimik pelancaran Program Jualan Kasih KEDA Madani 2025 di Kulim semalam.

di Dewan Pusat Kegiatan Ekonomi Kampung Guar Lobak di Padang Serai di sini semalam.

Lokasi seterusnya adalah di daerah Padang Terap yang dijangka diadakan sekitar bulan Jun atau Julai depan.

Pengerusi

KEDA, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, KEDA menerusi Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) mengadakan jualan berkenaan dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah.

"Kos keseluruhan bagi program yang diadakan di Kulim pada hari

ini adalah sebanyak RM32,255.60," katanya ketika ditemui pada Program Jelajah Jualan Kasih KEDA Madani 2025 di Program Jelajah Jualan Kasih KEDA Madani 2025 di Dewan Pusat Kegiatan Ekonomi Kampung Guar Lobak di Padang Serai di sini semalam.

Hadir sama ialah Pengerus Be-

sar KEDA, Afifah Omar, Pengarah FAMA Kedah, Shaiful Azhar Zolkipli dan Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) KEDA, Khairul Azmeer Abu Bakar.

Jamil Khir berkata, maklum balas yang diterima daripada orang ramai sangat baik kerana mereka berpeluang membeli barangan asas seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan segar, telur dan daging lembu tempatan pada harga berpatutan.

"Jualan ini membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat dengan jualan barangan keperluan rumah dengan potongan harga hampir 30 peratus," ujar beliau.

Menurutnya, terdapat juga jualan barangan kering keluaran Agromas dan lebih 20 produk usahawan KEDA dan FAMA.

"Kita juga mengadakan Jualan Combo Sole dan Happy Hour bagi memeriahkan lagi program pada hari ini," jelasnya.

Tambah Jamil Khir, Jualan Kasih KEDA Madani yang telah memberi manfaat kepada lebih 30,000 orang sejak tahun lalu semakin dikenali ramai dan menjadi program yang dinanti-nantikan oleh masyarakat.

"Kira-kira 4,000 hingga 5,000 orang akan datang ke setiap Jualan Kasih KEDA Madani yang dianjurkan, ada yang sanggup datang dari jauh dengan membawa ahli keluarga dan rakan," katanya.



JAMIL KHIR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Lokasi haram tangkap ikan

Pasukan Polis Marin bertindak selepas terima aduan nelayan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
TANJUNG KARANG

Hasil maklumat yang disalurkan nelayan tempatan mendedahkan aktiviti menangkap ikan secara haram menggunakan bubu naga di perairan 2.8 hingga 2.1 batu nautika dari Bagan Tengkorak di sini pada Ahad.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rusley Chi Ari berkata, laporan diterima pihaknya kira-kira jam 8.30 pagi sebelum anggota digerakkan menerusi Op Taring Gelora.

"Anggota PPM pergi ke lokasi dan menjumpai lima tanda disyaki digunakan untuk tanda bubu naga. Pemantauan dilakukan kira-kira sejam, namun tiada pemilik hadir ke lokasi sebelum rampasan dibuat untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Isnin.



Anggota PPM menemui bubu naga yang ditinggalkan di perairan Bagan Tengkorak, Tanjung Karang pada Ahad.

Ujarnya, rampasan melibatkan 22 bubu naga bernilai RM2,200 untuk tindakan mengikut Akta Perikanan 1985 dan kes diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Sementara itu dalam kes berasingan, PPM merampas 18 set bubu udang dan ketam bernilai RM900 di perairan Kuala Perlis, Perlis pada Ahad.

Rusley berkata, dua lelaki disyaki warga Thailand menaiki bot telah melarikan

diri selepas melihat kehadiran anggota bot peronda PPM.

"Suspek dilihat mencampakkan objek dan pemeriksaan di lokasi menemui peralatan menangkap ikan dikenali bubu udang atau ketam," ujarnya.

Bubu naga diharamkan penggunaannya berikutan mampu memerangkap serta mengancam hidupan laut yang lebih kecil dan benih udang selain merosakkan ekosistem dasar laut negara.

29/4/2025

HARIAN
METRO

LOKAL;

18



PENUNJUNG berselfie bersama Jamil Khir ketika jualan happy hour.



SEBAGIAN daripada pengunjung pada program Jualan Kasih KEDA Madani 2025.

Kulim

KEDA, FAMA KEDAH TAWAR PRODUK SEGAR DAN KERING

5,000 seribu Jualan Kasih KEDA Madani

Lebih 5,000 pengunjung menyertai program Jualan Kasih Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Madani 2025 di Dewan Pusat Kegiatan Ekonomi, Kampung Guar Lobak, Padang Serai, di sini, semalam.

Program bermula seawal jam 9 pagi itu menawarkan potongan harga sehingga 30 peratus untuk lebih 50 barangan keperluan asas seperti beras, hasil laut, daging segar, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Pengerusi KEDA, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, jualan murah ini adalah usaha KEDA dalam membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat seiring aspirasi Malaysia MADANI.

"Program ini mendapat sambutan luar biasa di Baling sebelum ini dan kami mahu teruskan lagi di lokasi lain selepas ini."

Melalui program ini, kami bukan saja meringankan beban rakyat, tetapi turut membuka peluang ekonomi kepada usahawan tempatan," katanya selepas melancarkan program berkenaan hari ini.

Jamil Khir berkata, kolaborasi bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Kedah turut menawarkan pelbagai produk segar dan kering.

Sebanyak 53 barangan dijual termasuk 20 produk usahawan KEDA dan FAMA, sekali gus memberi peluang kepada usahawan tempatan memperkenalkan produk mereka," katanya.

Menurut beliau, KEDA turut membuat jualan *combo sale* bernilai RM15 dan *happy hour* dengan harga RM10 bagi tiga barangan iaitu seekor ayam,

minyak dan gula. Katanya, antara yang mendapat perhatian termasuk jualan beras 10 kilogram dijual pada harga RM18 sekampit, daging segar RM26 sekilogram, barangan dapur termasuk bawang merah, bawang putih, ubi kentang dan cili kering dijual secara pakej RM10.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata, jualan kali ini memabikan peruntukan kos RM32,255.60 iaitu sebahagian daripada keseluruhan RM96,533.60 bagi tiga lokasi iaitu Baling, Kulim dan Padang Terap.

Katanya, sebelum ini

program sama berjaya merekodkan jumlah jualan keseluruhan RM731,312.10. "Kami berhasrat meneruskan program ini di lebih banyak lokasi dengan kerjasama agensi lain bagi memastikan lebih ramai rakyat mendapat manfaat," katanya.

Program itu turut dihadiri Pengurus Besar KEDA, Afifah Omar, Pengarah FAMA Negeri Kedah, Shaiful Azhar, Zolkipli, dan Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) KEDA, Khairul Azmeer Abu Bakar.

Sementara itu, orang ramai yang ditemui berkata mereka amat berpuas hati

dengan harga barangan yang ditawarkan, selain berharap jualan seperti ini diteruskan pada masa akan datang.

Suri rumah, Fatimah Khamis, 57, berkata, dia teruja kerana dapat berbelanja pada harga murah seperti 1990-an.

"Saya tahu jualan ini menerusi kumpulan WhatsApp, jam 8 pagi tadi saya sudah sampai, walaupun saya hanya bawa RM100, macam-macam barang saya dapat beli."

"Terima kasih KEDA anjur jualan seperti ini, saya harap ia dapat diteruskan lagi untuk bantu golongan

yang memerlukan," katanya dari Tatan Seri Setia.

Pengunjung, Md Desa Halim, 54, berkata, dia hanya membawa RM50 untuk membeli beras, ayam dan keperluan dapur lain. "Alhamdulillah, saya dapat beli beras 10 kg, ayam, minyak dan gula, rasa bersyukur sangat dapat beli barang dengan harga murah."

"Sebagai ketua keluarga saya sangat menyokong anjuran jualan seperti ini, ia sangat membantu saya untuk beli barang dapur," katanya yang juga pemandu lori.



"Sebagai ketua keluarga saya sangat menyokong anjuran jualan seperti ini, ia sangat membantu saya untuk beli barang dapur"

Md Desa



"Terima kasih KEDA anjur jualan seperti ini, saya harap ia dapat diteruskan lagi untuk bantu golongan yang memerlukan"

Fatimah



JAMIL Khir (tiga dari kanan) melancarkan Jualan Kasih KEDA Madani 2025 di Dewan Pusat Kegiatan Ekonomi, Kampung Guar Lobak, Padang Serai. - Gambar NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

Bubu naga, ketam, udang tanpa tuan dirampas

Tanjung Karang: Polis merampas 22 bubu naga menerusi Op Taring Gelora di 2.8 hingga 2.1 batu batu nautika dari Bagan Tengkorak di sini, kelmarin.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Satu, Asisten Komisioner Rusley Chi Ari berkata, pihaknya menerima maklumat daripada nelayan tempatan jam 8.30 pagi berhubung kegiatan menangkap ikan

secara haram menggunakan bubu naga.

"Sepasukan anggota PPM bergerak ke lokasi dan menjumpai lima tanda disyaki digunakan untuk menandakan pukut jenis bubu naga.

"Pemantauan dilakukan sehingga jam 1 tengah hari namun tiada pemilik hadir ke lokasi sebelum rampasan dibuat," katanya.

Menurutnya, rampasan

Dua lelaki disyaki warga asing dilihat melarikan diri menaiki bot sejurus menyedari kehadiran kapal peronda PPM di lokasi kejadian.

semua bubu naga dianggarkan bernilai RM2,200 itu mengikut Akta Perikanan 1985 dan kes diserahkan

kan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Dalam kes berasingan, 18 bubu udang dan ketam bernilai RM900 dirampas di perairan Kuala Perlis, Perlis.

Katanya, dua lelaki disyaki warga asing dilihat melarikan diri menaiki bot sejurus menyedari kehadiran kapal peronda PPM di lokasi kejadian.



AI urus trafik

PEGAWAI Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membuat pemeriksaan kemajuan pelaksanaan dalam penggunaan inisiatif Bandar AI di Pusat Operasi Pintar di Georgetown. MBPP sedang melaksanakan penyelesaian pengurusan trafik yang canggih untuk mengoptimumkan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan menggunakan analitik berkuasa AI.